Aktiviti pengurusan risiko merangkumi kenalpasti risiko, daftar risiko, tindakan mitigasi, dan kemaskini melalui Sistem Pengurusan Risiko secara atas talian (e-RMS). Setiap Bahagian dan Unit di UiTMCNS telah memajukan senarai daftar risiko untuk tindakan pihak JPK dan ini termasuk Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni yang terlibat secara langsung berkenaan risiko berkaitan industri seperti di Rajah 5.4.2.2 (Bukti 2) dan dibawah sumber manusia adalah daftar risiko kekurangan jumlah staf akademik yang mempunyai sijil latihan/kursus keusahawanan.

Pihak pengurusan UiTMCNS mengambil serius berkenaan pengurusan risiko dan antara langkah proaktif yang telah diambil pihak JPK dan sekretariat program bagi memantapkan pengurusan risiko adalah seperti berikut dengan rujukan Rajah 5.4.2.3 (Bukti 3):

1. Pelantikan Penyelaras Risiko Bahagian/Unit secara dalaman
2. Pelaksanaan Taklimat Pengurusan Risiko UiTMCNS dengan penceramah dari Unit Pengurusan Risiko pada 29 Jun 2022
3. Hebahan E-mel Cakna Risiko kepada warga
4. Mesyuarat Pelaksanaan Program (Rajah 5.4.1.3: Bukti 3)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0083\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20231\\_UiTMCNS\\_K5 KENAL PASTI RISIKO \(BUKTI 1\) .pdf](#)
2. [K0083\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20232\\_UiTMCNS\\_K5 KENAL PASTI RISIKO \(BUKTI 2\) .pdf](#)
3. [K0083\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20233\\_UiTMCNS\\_K5 KENAL PASTI RISIKO \(BUKTI 3\) .pdf](#)

### 5.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif amat penting dalam memastikan empat projek utama di bawah PJIM&A. Beberapa proses kerja telah dirangka oleh pihak PJIM&A seperti pengagihan sebahagian sasaran *PI* kepada beberapa unit di UiTMCNS semasa bengkel perancangan strategik untuk sama – sama membantu pihak ICAN dan MASMED dalam mencapai petunjuk prestasi (*PI*) yang ditetapkan. Antara unit yang berkenaan adalah unit *RMU*, Unit Penulisan dan Penerbitan, Unit ICAN dan Unit MASMED seperti di Rajah 5.4.3.1 (Bukti 1).

Hasil kerja yang baik adalah datangnya daripada perancangan gerak kerja yang teratur. Bagi memastikan program yang dijalankan mengikut objektif yang dikehendaki, mesyuarat gerak kerja akan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum tindakan selanjutnya dijalankan (Rajah 5.4.3.2: Bukti 2).

Pihak PJIM&A turut mengenalpasti beberapa langkah penambahbaikan proses kerja bagi mencapai petunjuk prestasi (*PI*) yang telah ditetapkan iaitu:

1. Memperkasakan pelaksanaan program dan aktiviti di semua peringkat dan menggunakan pelbagai *platform*.
2. Menyediakan prosedur dan info grafik yang lengkap untuk dijadikan panduan.
3. Memperhebatkan penganjuran program – program yang dapat membantu mencapai petunjuk prestasi.
4. Mengkaji semula keperluan sumber manusia, kewangan, peralatan dan kelengkapan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan tanpa halangan ke arah capaian *PI* yang cemerlang.
5. Membuat analisis dan menyediakan laporan pengukuran prestasi dan melaporkan hasil pengukuran kepada Koordinator dan Timbalan Rektor Bahagian PJIM&A bagi setiap sukuan.
6. Mengkaji semula secara menyeluruh perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan untuk memastikan ianya masih relevan dan berkesan selaras dengan visi, misi, objektif ICAN dan MASMED serta kehendak staf dan pelajar.

UiTMCNS amat menghargai jasa yang disumbangkan oleh setiap staf yang sentiasa komited dalam menyumbang idea. Antara bentuk penghargaan adalah seperti berikut:

#### 1. Penyampaian Anugerah Apresiasi Rektor 2022

Pengiktirafan kepada mereka yang aktif menyumbang kepada jaringan industri dan aktiviti keusahawanan (Rajah 5.4.3.3: Bukti 3).

#### 2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Majlis penghargaan bagi menghargai staf dan staf daripada PJIM & A serta jawatankuasa pelaksana yang pernah terlibat dengan jaringan dan industri seramai 11 orang diberikan APC.

#### 3. Surat penghargaan

Diberikan kepada staf yang menjayakan program dan surat penghargaan dan telah tamat lantikan sebagai menghargai sumbangan bakti mereka kepada PJIM&A.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0083\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20231\\_UiTMCNS\\_K5 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(BUKTI 1\) .pdf](#)

- 
2. [K0083\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20232\\_UiTM CNS\\_K5 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(BUKTI 2\) .pdf](#)
  3. [K0083\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20233\\_UiTM CNS\\_K5 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(BUKTI 3\) .pdf](#)
  4. [K0083\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20234\\_UiTM CNS\\_K5 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(BUKTI 4\) .pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tindakan penambahbaikan bagi bidang keusahawanan dan perindustrian telah menjadikan UiTM CNS sebuah universiti yang diiktiraf dan mendapat kerjasama yang amat baik oleh agensi kerajaan dan agensi swasta yang terpilih. Hasilnya *MoU* dan *MoA* dapat dijalinan bersama organisasi-organisasi besar seterusnya menyumbang kepada pencapaian *PI* yang menjadi asas kepada pencapaian GRU2025. Melalui aktiviti keusahawanan dan perindustrian yang dilaksanakan oleh pihak ICAN dan MASMED, UiTM CNS dapat bekerjasama dengan pelbagai agensi antarabangsa mahupun tempatan antaranya seperti Air Asia, Mechantrade Asia dan Majlis Bandaraya Seremban MBS (Rajah 5.5.1: Bukti 1).

Penambahbaikan turut membawa kepada perubahan nilai yang lebih positif terhadap warga UiTM CNS. UiTM CNS amat menitikberatkan nilai dalam diri individu mahupun organisasi bagi melahirkan sumber manusia yang produktif. Oleh itu, penerapan nilai *ESI* iDART telah dilaksanakan bagi seluruh sistem UiTM. Kerjasama integrasi ini juga meningkatkan ketampakan pensyarah hingga ke peringkat antarabangsa dengan mendapat lantikan dan kepercayaan oleh agensi luar untuk menjadi tenaga pakar berkaitan dengan bidang keusahawanan. Ia juga telah memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat sekitar terutamanya komuniti setempat tentang wujudnya Unit Pembangunan Keusahawanan dan Jaringan Industri di peringkat universiti. Ini terbukti apabila terdapat pensyarah yang dijemput untuk memberi ceramah secara terus kepada komuniti setempat.

Kerjasama integrasi ini membawa kepada peningkatan kepada reputasi pensyarah di peringkat antarabangsa. Pensyarah-pensyarah ini diberi peluang oleh agensi luar untuk menjadi tenaga pakar dalam bidang keusahawanan, dan meningkatkan tahap keyakinan terhadap kemampuan mereka. Kesannya, imej staf di peringkat antarabangsa semakin meningkat dan memberikan pelbagai peluang kerjasama, samada dengan universiti luar mahupun dengan pihak industri. Bukti keberkesanan ini juga dapat dilihat apabila pensyarah dijemput untuk memberikan ceramah secara langsung kepada masyarakat setempat. Penglibatan pensyarah dalam aktiviti antarabangsa juga memberikan manfaat kepada penyebaran pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan dan jaringan industri. Ceramah yang diberikan oleh pensyarah kepada masyarakat setempat membantu menyebarkan pengetahuan ini kepada individu-individu di luar dunia akademik. Dengan demikian, ini dapat menggalakkan lebih ramai untuk terlibat dalam usaha keusahawanan. Secara keseluruhannya, hasil daripada kerjasama integrasi dan pencapaian pensyarah ini mencerminkan bagaimana budaya kerjasama dan pencapaian yang cemerlang dapat membentuk persekitaran akademik yang dinamik, memberi sumbangan kepada pembangunan komuniti tempatan, dan menjadikan universiti sebagai pemimpin dalam bidang keusahawanan dan industri.

*ESI* IDART adalah kerangka kerja yang dirancang untuk meningkatkan prestasi organisasi dengan mengintegrasikan nilai-nilai yang penting. Kerangka maklumat *ESI* IDART seperti di Rajah 5.5.2 (Bukti 2). Nilai-nilai seperti Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, dan Tanggungjawab, yang dinyatakan, adalah komponen yang mendukung nilai-nilai utama seperti Kecemerlangan, Sinergi, dan Integriti. IDART menciptakan landasan yang kuat bagi budaya organisasi yang berfokus pada kualiti, semangat kerja sama, dan integriti. Kombinasi dari semua nilai ini membentuk dasar yang kukuh untuk mencapai tujuan dan meningkatkan kekuatan sumber manusia merangkap sebagai jawatankuasa sesebuah program yang dirancang dan dilaksanakan.

Kecemerlangan sumber manusia yang dimiliki oleh UiTM CNS telah menyumbang kepada pengiktirafan kepakaran di peringkat nasional. Kepakaran yang diiktiraf telah menjadikan warga UiTM CNS sebagai pilihan dalam menjayakan sesebuah program yang dianjurkan oleh organisasi luar. Sebagai contohnya, UiTM CNS diberi kepercayaan bagi bersama-sama menjayakan program Citra Lorong Seni Seremban.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0083\\_S01\\_SB05\\_20231\\_UiTM CNS\\_K5 INTEGRASI \(BUKTI 1\) .pdf](#)
2. [K0083\\_S01\\_SB05\\_20232\\_UiTM CNS\\_K5 INTEGRASI \(BUKTI 2\) .pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) melalui slogan dan tema “Nurturing Future Through Global Collaboration”, telah mengorak langkah dengan secara aktif dan juga proaktif untuk melaksanakan dasar hubungan dua hala melalui kerjasama yang terwujud antara UiTMCNS dengan organisasi luar samada daripada badan dan agensi kerajaan, syarikat swasta (tempatan dan antarabangsa) serta melalui rangkaian hubungan yang erat untuk memastikan aktiviti dapat dirangka dan dimeterai dengan penghasilan perjanjian persefahaman (*MoU* dan *MoA*). Pelaksanaan operasi setiap program dan aktiviti telah dirancang dengan sangat teliti melibatkan gabungan daripada proses operasi permohonan dan operasi kerja antara pihak UiTMCNS dan juga organisasi yang terlibat.

Perancangan : Operasi untuk menjalankan setiap program dan aktiviti secara dasarnya adalah bermula daripada penghasilan kertas kerja yang akan dibentangkan oleh pengarah program yang dilantik oleh pengurusan PJIM&A. Daripada hasil pembentangan ini, penambahbaikan akan dilakukan sekiranya terdapat keperluan sebelum ianya dibentangkan di hadapan organisasi yang akan menjalinkan kerjasama dengan UiTMCNS. Selain daripada penghasilan kertas kerja yang dirangka oleh pengarah program, terdapat juga aktiviti yang dirancang melalui jemputan rasmi yang diterima daripada agensi yang terlibat seperti program yang melibatkan MASMED, UPEN dan Global Network. Sekiranya program ini adalah program jemputan rasmi, maka, kertas kerja yang dihasilkan hanyalah melibatkan perancangan dalaman UiTMCNS sahaja yang melibatkan perancangan keterlibatan staf dan jabatan-jabatan di dalam UiTMCNS. Pihak PJIM&A sangat membantu dalam memastikan kelancaran proses perancangan dengan mengadakan sesi perbincangan berkala bersama kumpulan yang terlibat dan dalam masa yang sama sebarang bantuan mengenai fasiliti dan kemudahan seperti pengangkutan, peralatan dan *system AV* juga dibantu dengan sangat efisien oleh pihak PJIM&A.

Pelaksanaan / Pemantauan / Penambahbaikan: PJIM&A selaku sebuah jabatan yang mempunyai hubungkait yang sangat rapat bersama warga UiTMCNS dan dalam yang sama menjadi jambatan kolaborasi antara UiTMCNS dan organisasi luar sedar akan kepentingan untuk mengendalikan dan menyertai pelbagai aktiviti yang melibatkan pihak luar. Hasil daripada perancangan yang dirancang melalui kertas kerja yang dirangka, pelaksanaan setiap program telah diatur dengan kewujudan jawatankuasa induk dan jawatankuasa pelaksana untuk tadbir urus setiap pengoperasian program yang dijalankan. Keseluruhan lima (5) program yang dilakukan pada tahun 2022 telah dilaksanakan mengikut ketetapan dan kesesuaian kerana ianya adalah program yang sangat berbeza baik daripada objektif penganjuran mahupun kepada operasi pelaksanaan setiap program.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) telah mengorak langkah dengan menganjurkan lima program yang berteraskan kepada jalinan usahasama dengan industri luar, badan-badan kerajaan, syarikat swasta, kelab dan pelbagai lagi agensi yang telah mempunyai dokumen usaha sama bersama UiTMCNS bagi menguatkan lagi profil UiTMCNS dan membantu menambahkan aktiviti dan pelbagai lagi kegiatan yang memberi manfaat kepada kakitangan, pelajar dan alumni bagi pasca PKP. Selaras dengan matlamat **Pelan Tindakan Strategik UiTM 2025** yang berteraskan kepada pemetaan pertama iaitu Pendidikan berkualiti SETARA 6 bintang setara di mana ianya memfokuskan kepada Education 5.0 UiTM seperti di Rajah 6.2.1 (Bukti 1) mampu melahirkan bumiputera yang berbakat dan kreatif dengan meluaskan akses dan mencipta peluang untuk generasi graduan akan datang yang seimbang dan berciri usahawan. Bukan itu sahaja, bahkan UiTMCNS mensasarkan untuk mencapai penarafan SETARA 6 Bintang dengan memperkasakan akademik dan pengalaman penyelidikan bagi menyediakan graduan yang anjal dan mampan dengan Revolusi Perindustrian 4.0 supaya menjadi lebih berdaya saing di peringkat global dan mampu melaksanakan tanggungjawab utama kepada pemegang taruh. Di sinilah fungsi, tanggungjawab dan kepentingan PJIM&A UiTMCNS, terutamanya UiTMCNS dalam mengambil pendekatan untuk menyusun atur segala jalinan kerjasama bersama organisasi dan agensi luar dan dalam masa yang sama melibatkan seluruh warga UiTM baik dari segi kakitangan, pelajar dan juga alumni untuk menguatkan lagi program yang dijalankan.

Melalui lima program utama yang telah dijalankan pelbagai objektif telah dapat digapai dan pelbagai kaedah dan pendekatan penganjuran juga telah digunapakai. Keterlibatan pelbagai jabatan di dalam UiTMCNS yang hampir semuanya terlibat dalam aktiviti ini telah menunjukkan hasil yang amat berkesan di mana, pelbagai aktiviti berteraskan kemasyarakatan, jaringan industri, keusahawanan dan komuniti telah dapat dilaksanakan dengan baik dan mendapat pelbagai reaksi dan respon yang positif dari masyarakat setempat, media perdana dan juga pengurusan tertinggi setiap organisasi. Selain itu, kaedah perancangan setiap program dilihat mempunyai cara yang tersendiri bagi membentuk jawatankuasa dan gerak kerja masing-masing. Kerangka program yang dijalankan bersama perancangan setiap unit dapat dilihat melalui Jadual 6.2.1 (Bukti 2). Manakala, Jadual 6.2.2 (Bukti 3) pula merupakan pelaksanaan setiap program yang dirancang. Setiap program yang dirancang akan melalui proses seperti carta alir di Rajah 6.2.2 (Bukti 4). Bukan itu sahaja, bagi memastikan program berjalan dengan lancar, mesyuarat bersama-sama ahli jawatankuasa serta gerak kerja juga turut dilaksanakan (Rajah 6.2.3: Bukti 5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0083\\_O01\\_OB02\\_20231\\_UiTM\\_CNS\\_K6 PENDEKATAN \(BUKTI 1\).docx.pdf](#)
2. [K0083\\_O01\\_OB02\\_20232\\_UiTM\\_CNS\\_K6 PENDEKATAN \(BUKTI 2\).docx.pdf](#)
3. [K0083\\_O01\\_OB02\\_20233\\_UiTM\\_CNS\\_K6 PENDEKATAN \(BUKTI 3\).docx.pdf](#)
4. [K0083\\_O01\\_OB02\\_20234\\_UiTM\\_CNS\\_K6 PENDEKATAN \(BUKTI 4\).docx.pdf](#)
5. [K0083\\_O01\\_OB02\\_20235\\_UiTM\\_CNS\\_K6 PENDEKATAN \(BUKTI 5\).docx \(1\).pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Melalui lima program yang telah disenaraikan di Jadual 6.2.2 (Bukti 3) yang telah berjaya dilaksanakan dibawah PJIM&A yang dasar utamanya ialah dengan menjalinkan kerjasama di antara pihak UiTMCNS serta rakan-rakan strategik yang terdiri daripada industri tempatan mahupun luar negara, kerjasama dengan masyarakat setempat serta kerjasama dengan alumni UiTMCNS dalam memastikan *KPI* UiTMCNS tercapai amnya dan UiTMCNS khususnya. Bagi memastikan kejayaan setiap program yang dirancang, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh ahli jawatankuasa yang terlibat dengan pemantauan pihak PJIM&A. Kesemua lima program ini dirancang hasil daripada perbincangan serta mesyuarat di peringkat UiTMCNS.

Setelah mendapat kata sepakat dari setiap ahli kumpulan dan ahli jawatankuasa, kertas kerja program akan disediakan (Rajah 6.3.1: Bukti 1). Setiap perancangan aktiviti, tentatif, peruntukan bajet, objektif pelaksanaan program serta barisan ahli jawatankuasa akan dicatat dalam kertas kerja ini. Setelah selesai, kertas kerja akan dimajukan ke jawatankuasa berkaitan untuk mendapatkan kelulusan program. Selepas kelulusan diperolehi, proses permohonan dana serta geran dilakukan. Sumbangan tajaan bagi pelaksanaan program ini diperolehi daripada pelbagai pihak perseorangan dan juga agensi samada agensi kerajaan mahupun agensi swasta. Diantaranya ialah, pihak Majlis Bandaraya Seremban, Merchantrade Asia, AirAsia Academy, UPEN, SME Corp, dan Genting Berhad.

Program UiTM & MBS @ Citra Lorong Seni Seremban (UiTM & MBS @ CLAS) adalah hasil dari Kerjasama jalinan industri Bersama-sama dengan Pihak Majlis Bandaraya Seremban. Program ini telah dilaksanakan bermula dari tarikh 11 September 2022 sehingga 17 Disember 2022 bertempat di Lorong Seni Seremban. Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh setiap bahagian dan juga fakulti yang terdapat dalam UiTMCNS. Diantaranya ialah permainan tradisional, *explorace*, *sport massage*, pameran pendidikan, *busker* dan lain-lain (Rajah 6.3.2 dan Rajah 6.3.3: Bukti 2). Objektif jalinan kerjasama ini adalah bagi mendedahkan peserta, pelajar dan juga staf UiTM kepada keusahawanan (praktikal), khidmat komuniti setempat dan sekaligus mempromosi pelancongan yang terdapat di Seremban, Negeri Sembilan.

Selain itu, empat lagi program yang telah dilaksanakan di bawah PJIM&A hasil dari usaha sama dengan rakan-rakan strategik boleh rujuk kepada Jadual 6.3.1 (Bukti 3). Keberkesanan program dinilai menggunakan borang maklumbalas yang diedarkan kepada peserta program (Rajah 6.3.4: Bukti 4). Antara dapatan maklumbalas ialah para peserta berpuas hati serta mengharapkan program-program sebegini akan diteruskan lagi pada masa hadapan (Rajah 6.3.5: Bukti 4). Melalui program-program (Rajah 6.3.6: Bukti 5) yang telah dilaksanakan ini bukan sahaja dapat menyediakan *platform* kepada staf dan pelajar UiTMCNS untuk berkecimpung dalam bidang industri malah dapat berkhidmat serta menyumbang jasa kepada komuniti setempat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0083\\_O01\\_OB03\\_20231\\_UiTM CNS\\_K6 PERLUASAN \(BUKTI 1\).docx.pdf](#)
2. [K0083\\_O01\\_OB03\\_20232\\_UiTM CNS\\_K6 PERLUASAN \(BUKTI 2\).docx.pdf](#)
3. [K0083\\_O01\\_OB03\\_20233\\_UiTM CNS\\_K6 PERLUASAN \(BUKTI 3\).docx.pdf](#)
4. [K0083\\_O01\\_OB03\\_20234\\_UiTM CNS\\_K6 PERLUASAN \(BUKTI 4\).docx.pdf](#)
5. [K0083\\_O01\\_OB03\\_20235\\_UiTM CNS\\_K6 PERLUASAN \(BUKTI 5\).docx.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Untuk memastikan proses kerja yang dilaksanakan selari dengan struktur di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM 2025, tumpuan operasi bagi lima projek utama UiTMCNS, iaitu UiTM@CLAS, Negeri Sembilan Festival, Festival PJIM&A, Karnival PKMS SME Corp dan Global Network, secara umumnya adalah untuk mengukuhkan kerjasama antara UiTMCNS dengan rakan industri serta mempromosikan keusahawanan di kalangan pelajar dan alumni UiTMCNS. Dalam usaha mencapai matlamat ini, pelbagai program telah dirancang dalam setiap projek utama seperti yang diperincikan dalam Jadual 6.4.1.1 (Bukti 1).

Oleh itu, bagi memastikan pemantauan yang berkesan bagi kelima-lima projek utama ini, proses pemantauan dilaksanakan melalui beberapa kaedah yang melibatkan mesyuarat berkala, pemantauan semasa pelaksanaan program serta analisa pelaporan program. Pemantauan pengoperasian bagi setiap program di bawah lima projek utama UiTMCNS ini utamanya adalah dilakukan melalui mesyuarat berkala setiap tiga bulan. Dalam mesyuarat ini, kemajuan setiap projek telah dikemukakan di Mesyuarat Data PI-Projek Inisiatif Tahun 2022 dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), seperti ditunjukkan di Rajah 6.4.1.1 (Bukti 2). Ini memberikan peluang kepada setiap PTJ untuk memantau pencapaian *PI* dan mengenal pasti status semasa bagi setiap projek yang dilaksanakan.

Pengoperasian pemantauan pelaksanaan program merupakan elemen penting yang melibatkan semakan cadangan aktiviti daripada setiap PTJ yang terlibat melalui kertas kerja yang telah disediakan. Proses ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan bahawa pelaksanaan program berjalan mengikut jadual dan memenuhi matlamat yang ditetapkan. Selain itu, proses pemantauan ini juga melibatkan lawatan kepimpinan kanan UiTMCNS ke lokasi projek untuk memantau secara langsung pelaksanaan program dan memastikan ia berjalan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Melalui fasa ini, tujuan utama adalah untuk memastikan pelaksanaan program mencapai objektif seperti yang disasarkan serta memberikan manfaat yang optimum kepada pelajar, alumni dan masyarakat setempat. Rajah 6.4.1.2 (Bukti 3) menunjukkan amalan proses kerja pemantauan program yang dilaksanakan oleh UiTMCNS melalui semakan kertas kerja dan lawatan kepimpinan kanan UiTMCNS ke lokasi projek.

Seterusnya proses pemantauan dilakukan melalui medium pelaporan keberkesanan program seperti di Rajah 6.4.1.3. Pelaporan ini membolehkan pengenalpastian pencapaian program, faktor kegagalan, risiko serta penambahbaikan untuk setiap projek inisiatif utama. Hasil dari laporan ini dapat menjadi rujukan untuk diatasi di masa hadapan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_UiTMCNS\\_K6 PEMANTAUAN \(BUKTI 1\).docx.pdf](#)
2. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20232\\_UiTMCNS\\_K6 PEMANTAUAN \(BUKTI 2\).docx.pdf](#)
3. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20233\\_UiTMCNS\\_K6 PEMANTAUAN \(BUKTI 3\).docx.pdf](#)
4. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20234\\_UiTMCNS\\_K6 PEMANTAUAN \(BUKTI 4\).docx.pdf](#)
- 5.

## **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Umumnya risiko merupakan faktor utama yang menghalang keberhasilan dalam pelaksanaan sesuatu projek. Oleh itu, setiap PTJ sentiasa komited dalam mengenal pasti, menilai dan mengelola risiko sebaik mungkin semasa projek sedang berjalan. Penilaian risiko yang teliti amat penting serta merancang staretegi pengurusan risiko yang berkesan untuk meminimakan impak negatif bagi kelima-lima projek utama UiTMCNS. Terdapat beberapa risiko telah dikenalpasti semasa pelaksanaan proses kerja seperti di senaraikan dalam Jadual 6.4.2.1 (Bukti 1).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_UiTMCNS\\_K6 KENAL PASTI RISIKO \(BUKTI 1\).docx.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Langkah pengurusan risiko dan penambahbaikan yang berterusan telah diambil oleh pihak PTJ untuk memastikan pengoperasian projek dapat berjalan dengan lancar walaupun beberapa risiko telah dikenalpasti semasa pelaksanaan proses kerja. Pihak PTJ juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan proses kerja dan memperluaskan penggunaan sumber untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan projek. Beberapa tindakan penambahbaikan telah dilakukan semasa pelaksanaan proses kerja seperti disenaraikan dalam Jadual 6.4.3.1 (Bukti 1).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20231\\_UiTMCNS\\_K6 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(BUKTI 2\).docx.pdf](#)
2. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20232\\_UiTMCNS\\_K6 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(BUKTI 3\).docx.pdf](#)
3. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20233\\_UiTMCNS\\_K6 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(BUKTI 4\).docx.pdf](#)
4. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20234\\_UiTMCNS\\_K6 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(BUKTI 5\).docx.pdf](#)
5. [K0083\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20235\\_UiTMCNS\\_K6 MENGAJAI SEMULA TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(BUKTI 2\).pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam memastikan setiap operasi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022 bagi kelapan-lapan program yang telah dilaksanakan oleh PJIM&A pelbagai inisiatif yang menerapkan unsur-unsur inovasi telah dipraktikkan. Inovasi yang dilaksanakan dalam proses kerja adalah penggunaan sistem yang dilengkapi dengan teknologi sejajar dengan peredaran masa. Pelbagai *platform* menggunakan aplikasi atas talian telah digunakan selain daripada bermesyuarat secara bersemuka.

Melalui *platform* seperti *Whatsapp*, *Telegram* serta video konferensi (*Google Meet*, *Webex*, *Zoom*, dan lain-lain) segala maklumat dapat dikongsi dan dikemas kini sekaligus dapat dipantau secara berkala oleh semua ahli terutamanya ketua projek (Rajah 6.5.1: Bukti 1). Dengan cara penggunaan aplikasi ini, masalah yang timbul semasa proses pelaksanaan dapat dikawal serta diambil tindakan secara terus oleh ahli jawatankuasa mahupun pengarah program. Selain itu, melalui *platform* ini juga setiap ahli jawatankuasa dapat berkomunikasi secara terus tanpa perlu bersemuka sekiranya ingin berbincang dan tambahan pula perbincangan itu adalah kritikal dan memerlukan persetujuan dari setiap ahli jawatankuasa serta merta.

Bukan itu sahaja, penggunaan QR kod (Rajah 6.5.2: Bukti 2) juga diguna pakai bagi setiap program yang telah dilaksanakan dalam mengumpul data dan maklumat setiap peserta yang menyertai program ini. Melalui maklum balas yang diberikan pihak ahli jawatankuasa dapat menambak lagi setiap program untuk rujukan pada masa akan datang. Disamping itu juga, setelah usainya setiap program yang telah dilaksanakan mesyuarat *post-mortem* akan dijalankan bertujuan bagi mengenal pasti setiap masalah yang telah berlaku sepanjang perjalanan program.

Selain itu, QR kod ini juga dapat membantu ahli jawatankuasa dalam pengumpulan maklum balas atau pun sebarang komen dari peserta yang menyertai program ini. Maklumat ini amatlah penting untuk memastikan sebarang kelemahan program yang dijalankan dapat dikenal pasti, membincangkan penambakan yang boleh dilakukan untuk pelaksanaan program usahasama dengan rakan-rakan strategik, kerjasama dengan masyarakat setempat serta kerjasama dengan alumni UiTMCNS pada masa akan datang.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0083\\_O01\\_OB05\\_20231\\_UiTMCNS\\_K6 INTEGRASI \(BUKTI 1\).docx.pdf](#)
2. [K0083\\_O01\\_OB05\\_20232\\_UiTMCNS\\_K6 INTEGRASI \(BUKTI 2\).docx.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **HASIL TUMPUAN PELANGGAN: PEMFOKUSAN PELBAGAI KUMPULAN PELANGGAN ADALAH MOMENTUM KEPADA PENINGKATAN KETAMPAKAN UiTMCNS DALAM JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bidang tujuan yang dipilih ialah **Jaringan Industri dan Keusahawanan** di mana telah memfokuskan kepada pelbagai kategori pelanggan UiTMCNS iaitu pelanggan dalam (staf, pelajar), dan pelanggan luar (alumni, industri, komuniti). UiTMCNS telah berjaya menjalankan **lima program utama** dan mewujudkan kolaborasi di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. PJIM&A khususnya telah memfokuskan kepada program berunsur industri dan keusahawanan bermula tahun 2021 sehingga kini selari dengan *KPI* yang ditetapkan oleh pihak BTU. Pihak PJIM&A lebih bersifat proaktif dalam menyebarkan sayap mencari kolaborasi bersama industri yang berunsurkan keusahawanan.

Tahun 2022 juga merupakan tahun menggilap kepakaran pensyarah UiTMCNS dalam mengongsikan ilmu keusahawanan dan kaedah mengaplikasi ilmu keusahawanan kepada para staf, pelajar, alumni, industri dan komuniti. Antara produk inovasi yang berunsur keusahawanan yang berjaya diwujudkan hasil kolaborasi bersama pihak industri ialah *Module 1: Unleashing Innovation and Entrepreneurship* bersama UPEN dan *Fridge Net* bersama MBS. Kolaborasi bersama industri secara tidak langsung telah memberikan banyak manfaat kepada warga UiTMCNS iaitu pelanggan dalam (staf, pelajar), dan pelanggan luar (alumni, industri, komuniti). Sebagai contoh, dengan pengkomersilan *Fridge Net* yang merupakan *platform* menyebarkan informasi pelancongan Daerah Seremban, hasil jualan akan ditukarkan kepada bentuk geran penyelidikan kepada pensyarah yang terlibat iaitu V-Community seperti tertera dalam *MoA*.

Selain itu, tidak dilupakan alumni yang telah digelar sebagai usahawan hasil didikan pensyarah UiTMCNS. Mereka telah dijemput oleh PJIM&A sebagai penceramah bagi mengongsikan pengalaman dan ilmu keusahawanan yang telah mereka perolehi kepada pelajar yang berstatus aktif. Tahun demi tahun, bilangan industri yang berunsur keusahawanan telah mewujudkan kolaborasi bersama UiTMCNS terutama melalui laluan unit MASMED dan ICAN. Tahun 2022 merupakan tahun dimana UiTMCNS menjadi tumpuan para industri dalam menjalinkan kolaborasi bagi penganjuran program bersama. Pepatah mengatakan UiTM seperti jadi penghubung mata telinga bermaksud tempat menjadi harapan atau kepercayaan oleh semua kategori pelanggan yang sentiasa menghulurkan pertolongan. Secara kesimpulan, kesemua program utama yang telah dianjurkan oleh UiTMCNS bersama industri telah banyak memberikan manfaat kepada pelanggan dalam dan luar serta impak yang positif kepada UiTMCNS.

##### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_K0083\\_HB02\\_20231\\_7.1.2 TAHAP\(Level\).pdf](#)

##### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_K0083\\_HB03\\_20232\\_7.1.3 TREN \(Trend\).pdf](#)

##### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_K0083\\_HB04\\_20233\\_7.1.4 PERBANDINGAN\\_TANDA ARAS \(Comparison\\_Benchmark\).pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_K0083\\_HB05\\_20234\\_7.1.5 KEPENTINGAN \(Importance\).pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **HASIL PERANCANGAN STRATEGIK: PERANCANGAN STRATEGIK PEMACU JARINGAN INDUSTRI DAN DAYA KEUSAHAWANAN CEMERLANG**

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCNS terus cemerlang dengan pencapaian **5 dan 6 bintang** selama 2 tahun berturut-turut walaupun negara dan dunia secara amnya masih bergelut dengan proses pemulihan pasca-pandemik *COVID-19*. Pendekatan yang strategik dan mampan melalui bidang tujuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** dengan slogan “Nurturing Future Through Global Collaboration” telah berjaya membentuk inisiatif strategik yang mampu menyebarkan jaringan industri UiTMCNS di samping memupuk daya keusahawanan yang dinamik dan cemerlang di kalangan warganya sekaligus memacu ketampakan UiTMCNS secara global. Di dalam bahagian Hasil Utama 1 ini, UiTMCNS telah memfokuskan kepada **lima (5) Petunjuk Prestasi** bagi **Unit ICAN** yang melibatkan **industri dan enam (6) Petunjuk Prestasi** bagi **Unit MASMED** yang melibatkan **keusahawanan**.

Bidang tujuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** telah dirangka (*Plan*) dimana bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) merupakan PTJ yang **diketahui** oleh **Timbalan Rektor PJIM&A (TPJIM&A)** selaku **Pengarah Projek** dan dibantu oleh unit ICAN serta unit MASMED sebagai **Pengurus Projek** bagi semua **Projek Inisiatif Utama** yang dilaksanakan. Bidang tujuan ini telah dibahagikan kepada dua (2) iaitu Industri dan Keusahawanan melalui projek kerjasama dengan agensi luar, penganjuran kursus dan latihan serta program perkongsian kepakaran staf sama ada di dalam ataupun di luar kampus UiTMCNS.

Kesemua inisiatif dalam perancangan strategik telah diperturunkan (*Do*) kepada pasukan projek inisiatif semasa **Bengkel Pelan Tindakan Strategik Tahun 2022 UiTMCNS** melalui Kaedah **Top-down**. Bagi memastikan sasaran bidang tujuan tercapai, Bahagian PJIM&A telah merancang strategi dengan membahagikan pencapaian projek-projek kepada empat (4) sukuan tahunan seperti yang dilaporkan di dalam Pelan Tindakan Strategik KPI-PI Tahun 2022 UiTMCNS (PJIM&A) untuk dilaksanakan dan dipantau.

Bagi mengimbangi pencapaian *PI*, pemantauan (*Check*) melalui kaedah *Top-down* dan *Bottom-up* telah digunapakai dimana maklumbalas yang diterima daripada kumpulan sasar seperti pihak industri, peserta program keusahawanan, e-Aduan dan media sosial (*Facebook Rasmi UiTMCNS*) telah dianalisa bagi tujuan penambahbaikan perancangan strategik UiTMCNS (*Act*). Hasil dapatan dari maklum balas tersebut dikumpul dan dianalisa oleh pasukan Projek Inisiatif Utama dan dilaporkan kepada Strategic Transformation Unit (STU) UiTMCNS secara berkala.

Perancangan yang strategik, pelaksanaan yang mampan serta pemantauan yang berterusan telah berjaya membantu UiTMCNS dianugerahkan **Penarafan Enam (6) Bintang** oleh BTU UiTM dengan **pencapaian 100% PI** bagi tahun 2022. Kedua-dua bidang tujuan Industri dan Keusahawanan telah menunjukkan pencapaian yang **cemerlang** apabila kesemua *PI* yang diamanahkan telah berjaya dilaksanakan.

##### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_K0083\\_HB02\\_20231\\_7.2.2 TAHAP.pdf](#)

##### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_K0083\\_HB03\\_20232\\_7.2.3 TREN.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_K0083\\_HB04\\_20233\\_7.2.4 PERBANDINGAN\\_TANDA ARAS .pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_K0083\\_HB05\\_20234\\_7.2.5 KEPENTINGAN \(Importance\).pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Di dalam hasil tumpuan sumber manusia ini, tiga kriteria impak sumber manusia terhadap pencapaian bidang tujuhan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** ditonjolkan iaitu:

1. Kecemerlangan Pencapaian *KPI* bidang tujuhan melalui hasil pengoptimuman kepakaran sumber manusia.
2. Pemeraksanaan Kecemerlangan dan Ketampakan bakat Staf UiTMCNS di peringkat nasional dan antarabangsa
3. *Happiness Index*

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Slogan “Nurturing Future Through Global Collaboration” secara langsung berkait dengan pembudayaan nilai **ESI** dan **i-DART** sebagai asas dalam membuat keputusan dan tindakan oleh Pengurusan Kanan UiTMCNS dalam mengambil kira kepentingan modal insan sebagai tunjang kepada pelaksanaan dan kejayaan perancangan kampus. Keperluan semua peringkat staf baik akademik mahupun pentadbiran diperkembangkan agar mendukung pencapaian **Perancangan Strategi UiTM2025** di bawah Tema Strategik 6: Kecemerlangan Bakat. Seiring dengan matlamat UiTM untuk meningkatkan penghayatan nilai teras kualiti serta peneguhan tugas dalam kalangan staf yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi dan perkhidmatan.

Penerapan **elemen Education 5.0 (Education 5.0@UiTM)**, dilihat mampu melahirkan bumiputera yang berbakat dengan meluaskan akses dan mencipta peluang untuk generasi graduan akan datang yang seimbang dan berciri usahawan. Penerapan **elemen Masyarakat 5.0 (Society 5.0)** dalam ekosistem UiTM pasti akan mentransformasi UiTM menjadi universiti untuk masyarakat menjelang 2025. Bertepatan dengan itu, pada tahun 2022, UiTMCNS telah memfokuskan kepada jaringan industri dan keusahawanan yang mana diletakkan dibawah tanggungjawab bahagian PJIM&A, UITMCNS.

Merujuk kepada SAP UiTMCNS 2022, daripada 20 Pelan Inisiatif Utama UITMCNS, sebanyak satu (1) Pelan Inisiatif Utama telah diletakkan dibawah **Unit ICAN** iaitu **UiTMCNS 4U yang telah dipecahkan kepada Lima (5) Projek Inisiatif Kecil yang mewakili sepuluh (10) PI** di bawah Unit ICAN. Manakala Pelan Inisiatif Utama Unit **MASMED**, iaitu **Industrial linkages & Startups (ILS 1.0) telah dipecahkan kepada ENAM (6) Projek Inisiatif kecil yang mewakili enam (6) PI**. Kesemua Pelan Inisiatif ICAN dan MASMED ini telah membuahkan hasil melalui kejayaan pelaksanaan **lima (5) Projek Utama** iaitu **UiTM&MBS@CLAS, Negeri Sembilan Festival, Festival PJIM&A, Karnival PKMS SME Corp dan Global Network**. Melalui **Global Network**, dua (2) projek *MoU* dan *MoA* telah berjaya ditandatangani bersama rakan Industri Antarabangsa iaitu AirAsia Academy dan Genting Berhad. Memorandum Perjanjian (*MoA*) telah diadakan bersama Majlis Bandaraya Seremban (MBS) bagi projek khusus iaitu **UiTM@Citra Lorong Akademia Santai (UiTM&MBS@CLAS)**. Kejayaan kelima-lima projek utama ini ialah membuka ruang kolaborasi yang luas dan berterusan antara UiTMCNS dan rakan strategik dalam bentuk keusahawanan, khidmat komuniti, pembangunan sumber manusia, kebolehpasaran graduan dan program “*Knowledge transfer*” (KTP).

Kejayaan pencapaian bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** ini telah membuktikan kemampuan bahagian PJIM&A dalam mengoptimumkan sumber manusia yang efisien dan berkepakaran di bawah **Unit ICAN** dan **MASMED** melalui Projek inisiatif yang mantap yang merangkupi kepelbagaian aktiviti yang telah memperlihatkan penglibatan staf dari ketiga-tiga Kampus UiTMCNS yang berkepakaran dan berpengalaman dari pelbagai bidang. Hasilnya, **Unit ICAN** dan **MASMED** telah berjaya mencapai kejayaan 100% pencapaian *PI* seawal Suku Ke-3 Tahun 2022.

Kecemerlangan bakat staf UiTMCNS juga telah diserlahkan melalui sumbangan kepakaran mereka sebagai peneraju projek yang memperkasakan dan mengoptimumkan sumber manusia melalui pembentukan pasukan (jawatankuasa) yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran yang mewakili ketiga-tiga kampus UiTMCNS. Pelantikan sebagai perunding, penceramah, panel penilai serta moderator bagi program yang telah dirancang telah membuktikan kepakaran mereka bukan hanya diperakui di peringkat jabatan, komuniti malah sehingga ke peringkat antarabangsa.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_K0083\\_HB02\\_20231\\_TEMPLATE K7\\_HASIL 3\\_7.3.2\\_TAHAP.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_K0083\\_HB03\\_20232\\_TEMPLATE K7\\_HASIL 3\\_7.3.3\\_TREN.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_K0083\\_HB04\\_20233\\_TEMPLATE K7\\_HASIL 3\\_7.3.4\\_PERBANDINGAN.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_K0083\\_HB05\\_20234\\_TEMPLATE K7\\_HASIL 3\\_7.3.5\\_KEPENTINGAN.pdf](#)